

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula diperingkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada mesyuarat yang telah kita adakan di sebelah pagi tadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan ucapan pendahuluannya atau mukadimahya tentang Belanjawan Kementerian berkenaan dengan huraian struktur dan pembentangan maklumat yang cukup jelas dan menyeluruh. Dan seramai 3 orang Ahli Yang Berhormat yang Dilantik telah diberi peluang untuk mengemukakan soalan-soalan mengenai

Belanjawan kementerian yang berkenaan ini.

Sebelum itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sama ada ia suka untuk menjawab 3 soalan daripada 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah kita dengar tadi.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dengan izin Yang Berhormat. Kaola akan cuba menjawab dahulu.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka kita berikan peluang ini kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola akan menjawab pada soalan pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang antara lain dalam usulnya mencadangkan supaya semua masalah ini ditangani oleh sebuah kementerian yang khas atau baharu iaitu Kementerian Kemasyarakatan.

Dalam hal ini saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas keprihatinan dan pemerhatian yang cukup menepati realiti yang dihadapi oleh Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) khususnya.

Pada memberikan respons pada cadangan bagi penubuhan sebuah kementerian yang khusus bagi menangani isu-isu kemasyarakatan perkara ini terdapat di negara-negara jiran ada mempunyai kementerian yang khusus bagi menangani isu-isu kemasyarakatan dan keluarga.

Walau bagaimanapun tanpa kementerian khusus tersebut dengan adanya struktur kementerian yang ada pada masa ini pendekatan yang diguna pakai iaitu *whole of government and whole of society approach* khususnya melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial kaola fikir adalah wajar pada masa ini. MPIS mempunyai keahlian yang terdiri dari menteri-menteri dari kementerian-kementerian yang berkaitan dan berkepentingan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sektor bukan kerajaan iaitu khususnya Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Kaedah ini adalah juga berkesan dalam menangani isu kesejahteraan seperti yang telah diterangkan dalam mukadimah kaola, saya pada pagi tadi. Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial akan dipertingkatkan lagi usaha-usaha secara bersepadu dan menangani isu-isu berkenaan.

Manakala bagi menjawab beberapa persoalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan prestasi sukan iaitu strategi yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sebagainya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dalam usaha untuk memastikan negara mampu bersaing untuk memperolehi pingat di peringkat kejohanan serantau dan termasuk Sukan SEA telah menyusun strategi-strategi terutama fokus pada sukan-sukan yang boleh menghasilkan keputusan berpotensi dan memerlukan dukungan dengan program pembangunan dan pengenalan bakat yang berkesan, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguasaan organisasi sukan. Meningkatkan jumlah dan kualiti orang bersukan dan beriadah. Meningkatkan kerjasama dengan pihak NGO's agensi kerajaan dan swasta dan membudayakan sukan, meningkatkan sumber tenaga manusia (pakar sains sukan dan jurulatih dan prasarana).

Bagi strategi pertama iaitu mengenal pasti sukan teras. Sukan-sukan teras yang telah dikenal pasti ialah 9 sukan pada masa ini iaitu wusyu, pencak silat, sepak takraw, karate-do, taekwondo, bowling padang, olah raga ekuatik dan bola sepak.

Bagi strategi kedua pula program-program pembangunan dan pengenalan bakat ialah demi mencapai hasrat tersebut. Strategi utama Kementerian

ialah melaksanakan program dalam jangka panjang telah pun dilaksanakan memfokus kepada perkembangan atlet dari akar umbi sehinggalah mereka menjadi atlet seperti program mengenal pasti bakat atau *TID* dan akademi sukan.

Programme talent identification adalah sebagai satu mekanisme untuk mencungkil bakat dalam kalangan peringkat usia muda terutama pelajar-pelajar yang berusia 17 tahun. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Setakat ini *TID* telah diadakan di 16 buah sekolah menengah dan 15 buah sekolah rendah di seluruh negara. Seramai 1,363 orang yang telah menjalani *TID* umum dan hanya 26 orang dikenal pasti mempunyai potensi untuk diberikan latihan lanjut.

Bagi *target identification* khusus pula seramai 1,241 orang telah menjalani ujian dan hanya 367 orang yang dikenal pasti berpotensi untuk diberikan latihan lanjutan.

Hasil daripada *TID* tersebut, seramai 19 atlet telah layak untuk memasuki Akademi Sukan. Sukan-sukan yang terlibat dalam kategori *TID* ialah sebanyak 11 sukan. Karate-do, lawan pedang, kayak, lumba basikal, olahraga bola sepak, lumba perahu, silat olah raga, sepak takraw, bola baling dan taekwando.

Walaupun jumlah yang dikenal pasti dari program *TID* umum dan *TID* khusus

berjumlah 393 orang atlet akan tetapi hanya 143 atlet sahaja yang ada pada masa ini menjalani latihan. Perkara ini disebabkan oleh faktor tidak mendapat kebenaran dari ibu bapa atau majikan dan tidak berminat untuk meneruskan latihan.

Sementara penubuhan Akademi Sukan yang berperanan untuk memberikan tumpuan khusus bagi atlet-atlet muda yang terpilih hasil dari program *TID* dan skim-skim latihan sukan dan telah mampu menunjukkan bakat dan diasuh untuk menjadi atlet-atlet melalui program-program dan pemantauan yang khusus dan sistematik.

Bagi strategi ketiga pula meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi sukan. Antara usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan iaitu persatuan-persatuan sukan kebangsaan ialah melalui kursus-kursus pentadbiran yang dikendalikan oleh badan-badan antarabangsa seperti khusus pengarah atau pengadil bola sepak daripada *Federation of International Football Association* atau (*FIFA*), *Tournament Director Hockey* daripada *Federation of International Hockey*, *Impering course* Sepak Takraw dan *International Sepak Takraw Federation and Staff, Technical Course* olah raga dari *International Association of Athletics Federation (IAAF)*.

Meningkatkan jumlah dan kualiti orang yang bersukan dan beriadah. Usaha mempertingkatkan dengan menganjurkan lebih banyak program

sukan untuk masyarakat yang akan memberikan faedah dari segi kesihatan, fizikal dan minda.

Dalam penganjuran program-program tersebut kerjasama antara Jabatan Belia dan Sukan dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan juga agensi-agensi swasta dengan tujuan objektif dapat dicapai iaitu memperbanyakkan penyertaan orang ramai dalam aktiviti kesukanan;

Meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGOs*, agensi kerajaan dan swasta. Tanggungjawab pembangunan sukan di negara ini bukanlah sahaja tertumpu kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan malah ia memerlukan kerjasama yang padu dengan *NGOs*, agensi kerajaan dan juga swasta. Kementerian ini melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa bekerja rapat dengan pihak-pihak *NGOs* seperti Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam dan juga Persatuan Sukan Kebangsaan dalam merancang program sukan yang menjurus kepada sukan berprestasi tinggi dan juga pembangunan;

Membudayakan sukan, meningkatkan sumber tenaga manusia, teknik pakar sains sukan dan jurulatih dan penyediaan prasarana. Dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran kejurulatihan dan juga pakar-pakar sains sukan beberapa langkah yang telah diambil iaitu dengan mendapatkan perkhidmatan jurulatih profesional dari

luar negara dengan sukan-sukan yang diberi keutamaan.

Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan kapasiti jurulatih tempatan juga diadakan dengan memberikan mereka peluang untuk mengikuti kursus persijilan kejurulatihan yang diiktiraf oleh badan-badan sukan kebangsaan.

Alhamdulillah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan terdapat beberapa pakar jurulatih dari luar negeri pada masa ini iaitu bagi beberapa sukan tertentu seperti sukan renang dari Netherland, olah raga dari Cameron dan Tanzania, wusyu dari Cina, Karate-do dari Indonesia, Sepak Takraw dari Thailand. Dengan adanya kepakaran ini nanti para atlet negara dipersiapkan untuk bersaing di arena serantau dan juga antarabangsa. Sementara dalam bidang sains sukan pula, Jabatan Belia dan Sukan telah mendatangkan pakar-pakar sains sukan seperti Doktor Perubatan Sains Sukan, Pakar *Physiology* dan jurulatih *string and conditioning*.

Dengan adanya pakar-pakar akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi atlet melalui sains sukan yang lebih bersistem. Dengan kombinasi pakar-pakar diatas program latihan yang berterusan dan sistematik dapat dijalankan dengan lebih berkualiti dengan menggunakan kaedah sains sukan dan teknologi sukan terkini.

Sementara penyediaan infrastruktur dan prasarana sukan sebagai *platform* bagi latihan atlet yang mana menepati piawaian antarabangsa iaitu kemudahan tempat latihan yang memudahkan atlet dan jurulatih menjalankan program latihan serta penganjuran kejohanan oleh persatuan-persatuan kebangsaan; dan

Memastikan dana yang mencukupi dan meningkatkan kutipan hasil. Dalam melaksanakan strategi di atas memerlukan dana yang mencukupi. Dengan ini rancangan adalah lebih menjurus keutamaan kepada sukan-sukan yang terpilih dan benar-benar boleh menyumbangkan pingat kepada negara. Dalam masa yang sama, dengan prasarana yang sedia ada juga dapat meningkatkan hasil kutipan melalui penggunaan prasarana jabatan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Dalam pada itu, jurang kemajuan dalam bidang sukan berbanding dengan negara luar yang boleh maju dari segi isu dalaman seperti peruntukan, masalah persatuan, hal-hal peribadi atlet yang lebih menumpukan pada akademik, pembahagian masa, kebenaran bagi kelonggaran bekerja dan sebagainya. Sebagai contoh, perbandingan komitmen atlet menghadiri waktu latihan tidak mencukupi seperti mana perlu dipenuhi sebagai atlet-atlet.

Oleh itu, apabila mereka menyertai sebarang kejohanan, mereka tidak berkeupayaan menyaingi pihak lawan.

Menyentuh mengenai sasaran atau pingat iaitu *KPI* salah satu penilaian bagi prestasi Jabatan Belia dan Sukan ialah jumlah sasaran atau pingat kutipan pada atlet di kejohanan yang mereka sertai.

Di samping itu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga melihat pencapaian atlet untuk masuk ke peringkat akhir atau *podium finish*. Pada lazimnya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memperbaiki prestasi dan pencapaian terdahulu kontinjen sukan, sebelumnya mengikuti pencapaian kontinjen negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2015 negara telah berjaya meraih 1 pingat perak dan 7 pingat gangsa pada Sukan *SEA* Ke-28 di Singapura dan pada Sukan *ASEAN Para Games*, kontinjen negara telah berjaya meraih 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

Sementara bagi kejohanan-kejohanan jempunan di peringkat serantau dan antarabangsa, Sukan Wusyu juga telah menyumbangkan pingat kepada negara melalui penyertaan di kejohanan *Asian Junior Wusyu Championship* di China pada tahun 2015 dengan memperoleh 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

Sukan lawan pedang pula juga turut menyumbangkan pingat melalui penyertaan di kejohanan *Asia-Pacific dan ASEAN Junior fencing Championships 2015* dengan perolehan 2 pingat gangsa. Pada tahun 2016 ini, pasukan *lawn bowl* negara telah berjaya

menduduki tempat ketiga secara keseluruhan daripada 11 negara ASEAN yang menyertai sukan *Asean Lawn Bowl* yang ke 11 dan *Asean under 25 Single Championships* dengan meraih 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa bagi kategori *senior* dan bagi kategori belia di bawah 25 tahun. Negara kita telah berjaya meraih 2 pingat gangsa. Alhamdulillah, pencapaian ini telah mencapai *KPI* Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, usaha yang iaitu akan terus dipertingkatkan.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang menyentuh sukan yang mengurangkan tenaga dan fizikal iaitu *Skill Related Sport*. Pihak kementerian memang mengambil kira akan faktor ini. Walau bagaimanapun, perkembangan sukan banyak juga bergantung kepada faktor lain selain *Skill Related Sport* tersebut. Seperti keaktifan persatuan dalam mengembangmajukan sukan masing-masing, mempunyai atlet yang komited dan berpotensi untuk diketengahkan, mempunyai jurulatih yang berkualiti dan berperancangan program-program latihan yang bersistemik serta berterusan.

Alhamdulillah, terdapat beberapa sukan yang kurang menggunakan tenaga dan fizikal telah menunjukkan pencapaian yang baik di sukan serantau dan antarabangsa. Antaranya seperti Sukan *Petanque* di kejohanan *Petanque Championship Pan Pacific* di Filipina pada tahun 2014 yang telah berjaya meraih 1 pingat perak. Sukan *Tenpin Bowling* bagi atlet orang berkeperluan

khas berjaya meraih 1 pingat emas, 1 pingat gangsa di kejohanan *Asia Para Games*, Singapura dan *bowling* padang yang baru-baru ini di kejohanan *Asean Lawn Bowl* ke 11 dan *Asean under 25 Single* yang ke 9 dengan meraih 1 pingat Emas, 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa bagi kategori senior dan bagi kategori belia di bawah 25 tahun. Dan negara telah berjaya meraih 2 pingat gangsa seperti mana yang kaola nyatakan sebelum ini.

Soalan yang berikutnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Apakah hasil dari kajian isu kemiskinan yang telah beberapa tahun lalu diadakan? Bagi menjawab mengenai soalan ini, hasil kaji selidik mengenai kemiskinan yang telah diadakan pada tahun 2010 bahawa persoalan yang sama telah pun dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang sebelumnya.

Kementerian ini akan mengadakan satu taklimat khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Soalan berikut daripada Yang Berhormat, sama ada KKBS akan membina sebuah muzium yang baharu dilokasi yang sama mengambil kira kerosakan yang ada pada muzium yang ada pada masa ini.

Merujuk kepada soalan tersebut, memang Muzium Brunei telah ditutup sejak 28 Januari 2014 dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahap ini tidak berhasrat untuk membangun bangunan muzium yang

baharu memandangkan bangunan itu masih mempunyai ciri-ciri warisan yang sangat tinggi dengan usianya telah melewati hampir 40 tahun dan hampir mencapai 50 tahun dan dengan keadaan yang tersergam itu perlu dikekalkan.

Walaupun bagaimanapun, beberapa galeri telah pun dipindah dan kerosakan pada struktur binaan telah pun seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat sendiri iaitu hasil daripada tanah susur, serangan anai, kerosakan pada pendawaian elektrik dan kerosakan penghawa dingin telah dan sedang ditangani seperti kerja-kerja pengukuhan tanah bernilai \$1,33,000,440.00. Pembaikan pulih bangunan bernilai \$836,270.00 dan kerja-kerja tambahan yang setakat ini bernilai \$1,568,000.00.

Seterusnya pembaikan dan penaikantarafan bangunan Muzium Brunei dijangka akan memakan masa hampir 5 tahun dengan mengambil kira penambahan dan pembisaian bangunan dan galeri-galeri muzium ini seperti yang kaola jelaskan tadi. Sementara itu sewaktu penutupan ini, walaupun ia mendukacitakan, bahan-bahan pameran telah pun dipindahkan ke tempat-tempat yang lain dan sebahagiannya dipamerkan di Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Taman Warisan Merimbun, dan Muzium Kuala Belait yang insya-Allah akan dibuka pada bulan Julai pada tahun ini.

Soalan berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee

bin Ahmad, yang menyelitkan aspek-aspek kefahaman berpesatuan dalam negara MIB, ciri-ciri transformasi minda belia, keusahawanan dan kepimpinan, berjiwa besar dan komited mencerminkan keunggulan belia dalam program PKBN ataupun Program Khidmat Bakti Negara.

Pada menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, latihan Program PKBN menggunakan kurikulum dan modul-modul yang mengandungi 9 komponen utama berikut:-

- Jati diri;
- Kenegaraan dan keagamaan;
- Latihan disiplin dan fizikal;
- Keusahawanan;
- Khidmat komuniti budaya kerja;
- Menangani media sosial;
- Kesihatan dan keselamatan kerja;
- Hukum Kanun Jenayah Syariah; dan
- Pemikiran kreatif dan pengucapan awam.

Cadangan Yang Berhormat bagi menyelitkan aspek-aspek kefahaman, berpesatuan dalam MIB dan aspek-aspek lain seperti yang dicadangkan adalah dihargai dan diucapkan berbilang-banyak terima kasih. Perkara tersebut sememangnya sudah diselitkan dalam modal yang saya nyatakan tadi. Kementerian ini dari semasa ke semasa memikirkan untuk menambah modul-modul lain. Walau bagaimanapun, ini sedikit sebanyak akan menjejaskan jangka waktu latihan yang ada pada masa ini yang hanyalah 3 bulan ataupun lebih kurang 100 hari.

Memandangkan penglibatan pelatih-pelatih pada kebanyakan mereka masih bersekolah dan ditakuti jika tempoh dipanjangkan akan menjejaskan persekolahan mereka pada pelatih-pelatih itu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad seterusnya mengemukakan pertanyaan mengenai rancangan untuk membangun Mukim Buku di Mukim Lumut. Dalam hal ini beberapa tindakan telah dilaksanakan dari tahun 2013 termasuk cadangan penempatan di Balai Raya Kampung Lumut dan di Bangunan Pos Lumut. Namun demikian, setelah diteliti didapati lokasi-lokasi tersebut tidak bersesuaian dan akan menggunakan perbelanjaan yang tinggi. Dari itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus melihat lokasi-lokasi lain yang lebih sesuai dengan mengambil kira beberapa perkara seperti *accessability*, keselamatan dan kos sebagainya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat, untuk mengemukakan tempat yang sesuai mengambil kira kedudukan yang sebenar, dan pada yang sama mengambil kira jua Mukim Buku yang telah wujud di Mukim Rimba dan ini pun akan diteliti dari segi bilangan penggunaanya dan sebagainya. Namun demikian, perkara ini tidaklah akan disenyapkan begitu sahaja bahkan masih lagi dalam pemikiran kementerian dan juga Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, juga seterusnya mencadangkan supaya mengadakan kemudahan-kemudahan sukan di mukim-mukim bagi belia yang aktif dan cintakan sukan dalam bola sepak.

Pada masa ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan inventori kemudahan sukan yang dilaksanakan pada tahun 2014 tentang tempat-tempat bersukan dan riadah di seluruh negara yang melibatkan bukan saja di bawah kawalan kementerian ini bahkan termasuk *stakeholders* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan pihak swasta.

Hasil statistik inventori tersebut menunjukkan terdapat 663 kemudahan sukan dan riadah di seluruh negara. Bagi kemudahan sukan di keempat-empat daerah adalah berjumlah 142 padang dan sebanyak 18 padang bola sepak terdapat di Daerah Belait. Maka dengan adanya inventori tersebut, cadangan Yang Berhormat untuk membina padang bola sepak di mukim-mukim bagi belia aktif dalam bolasepak adalah mengambil kira inventori yang sedia ada.

Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga mengutarakan soalan, iaitu adakah program dalam pemikiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jangka panjang *summary* kesedaran yang mendalam pada kaum belia remaja bagi usaha mengurangkan kesan emosi

anak-anak di luar nikah? Bagi menjawab soalan tersebut, perancangan bagi mengurangkan kesan emosi terhadap anak-anak luar nikah, perlu ditekankan bahawa isu mengenai anak-anak yang dilahirkan di luar nikah memerlukan pendekatan yang melibatkan semua pihak, bukan sahaja *whole of government approach* melalui kementerian-kementerian malahan juga, pihak bukan kerajaan seperti pihak akar umbi. Walau bagaimanapun peranan khusus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perkara ini adalah seperti berikut:-

1. Bagi mana-mana anak luar nikah ataupun anak yang tidak sah taraf yang memerlukan sokongan dan bimbingan pengukuhan emosi ataupun moral yang dating ke pengetahuan Jabatan Pembangunan Masyarakat sama ada melalui rujukan ataupun yang datang sendiri, Jabatan Pembangunan Masyarakat akan membuat pendekatan intervensi kepada anak berkenaan. Ahli keluarganya dan juga orang-orang yang membawa kesan dalam hidupnya melalui program-program kaunseling, motivasi dan menyalurkannya untuk mengikuti program yang bersesuaian. Rujukan kepada agensi-agensi berkepentingan bagi tindakan lanjut juga akan dibuat. Sokongan emosi kepada anak-anak yang tidak sah taraf di Negara Brunei Darussalam memerlukan kerjasama dari pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal

Ugama dan Kementerian Kesihatan; dan

2. Dari segi program-program kesedaran yang ditujukan kepada orang awam mengenai perkara ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat lebih menumpukan perhatian kepada program-program pencegahan, agar kelahiran kes-kes anak luar nikah ini dapat dibendung. Di samping itu, wadah untuk sama-sama memikirkan, menghasilkan dan melaksanakan program-program yang bersesuaian yang juga lebih memfokuskan bagaimana masyarakat boleh mengurangkan risiko kelahiran anak luar nikah adalah melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan Kumpulan Bertindak ke atas perlindungan kanak-kanak (*Action Team On Child Protection*). Demikianlah jawapan kaola kepada 3 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan pada pagi tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-

ahli Yang Berhormat kaola hanya akan mengetengahkan 2 Tajuk iaitu Tajuk SLO1A - Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Negara Brunei Darussalam menduduki tangga yang ke-3 atas mengenai masalah pengangguran dalam kalangan negara-negara *ASEAN*. Dengan meningkatnya jumlah pengangguran di negara kita ini, dikhuatiri boleh menimbulkan isu negatif seperti peningkatan kadar jenayah serta gejala sosial yang sedikit sebanyak akan mencacatkan identiti negara kita.

Kaola difahamkan satu jawatankuasa khas untuk menangani isu kemiskinan telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu yang bertujuan antara lain untuk mengenal pasti punca kemiskinan dalam negara kita. Dalam hubungan ini ingin kaola mengetahui hasil penelitian dan tindakan yang dijalankan oleh jawatankuasa berkenaan. Setakat manakah hasil usaha-usaha itu telah berjaya mencapai matlamat ke arah membasmi kemiskinan. Kenapa soalan ini saya tujukan kepada kementerian ini?

Seperti yang diterangkan semasa dialog bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu antara peranan dan tanggungjawab kementerian berkenaan ialah memberikan penumpuan kepada isu kemiskinan.

Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemartabatan bahasa Melayu yang telah diperundangkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004, sebagai Bahasa Rasmi Negara membuktikan pengiktirafan peranan bahasa Melayu.

Kini masyarakat terdedah dengan cabaran-cabaran baharu yang menghambat proses pengembangan dan pemantapan bahasa Melayu sendiri seperti tulisan dalam bahasa siber, pesanan ringkas (*sms*), e-mel, laman media sosial seperti *facebook* dan sebagainya, membawa banyak kecacatan malah masyarakat kitani sendiri lebih suka menggunakan bahasa asing sehingga adakalanya mencampuradukkan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian, sekali gus menjadi cabaran kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menanganinya.

Kaola ingin mengetahui pendekatan-pendekatan yang telah dirancang dan dibuat oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menghadapi permasalahan bahasa pertuturan dan bahasa siber ini? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya silakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejaheha. Terima kasih, Yang Berhormat

Pengerusi. Lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah menganjurkan Pameran Pesta Buku baru-baru ini dan seperti yang kita maklum ia diadakan pada setiap tahun. Adalah diambil maklum, pengunjung-pengunjung bagi pameran ini sangat menggalakkan. Dalam era *internet* ini, kita berharap usaha untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan terus dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada program literasi awal yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, walaupun perkara ini pernah saya utarakan pada tahun 2014. Saya berkeyakinan tinggi yang ia adalah satu program pelaburan awal yang membolehkan pulangan yang banyak jika dijalankan dengan baik dan dipupuk kemajuannya.

Soalan saya ialah:-

1. Setelah 2 tahun berjalan, apakah perkembangan program berkenaan setakat ini?;
2. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melibatkan institusi tinggi dalam membuat kajian untuk meningkatkan keberkesanan jangka pendek dan jangka panjang program ini dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak dan juga manfaat-manfaat yang lain?; dan

3. Adakah dalam perancangan untuk melibatkan sama badan-badan bukan kerajaan dalam pelaksanaan pada masa yang akan datang? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan.

1. Pembangunan Belia:-

Penglibatan serta peranan agensi kerajaan, pihak swasta, institusi keluarga, organisasi belia dan juga masyarakat adalah penting bagi melahirkan belia cemerlang. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan memainkan peranan yang penting dalam memeduli hal-ehwal belia.

Salah satu aktiviti yang boleh membangun belia ialah konsep berpersatuan. Jika pada tahun 60an dan 70an dahulu, persatuan belia berfungsi dengan baik,

cemerlang dan melahirkan tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin belia yang disegani. Nampaknya, kegiatan berpersatuan ini sudah semakin hilang dari setahun ke setahun dan hanya beberapa persatuan sahaja yang dapat bertahan, itu pun seperti 'hidup segan, mati tak mahu.'

Kaola berpendapat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sebagaimana yang telah disarankan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, sudah tentu akan dapat menghidupkan semula institusi persatuan belia ini dan membantu memulihkan kecemerlangan persatuan seperti era pada tahun 60-an dan 70-an.

2. Bahagian Sukan:

Kita tidak melihat prestasi sukan negara kita. Jika kita melihat prestasi sukan negara kita sama ada sukan dalam negeri, sukan serantau dan juga sukan antarabangsa, belum lagi memuaskan.

Walau bagaimanapun, sukan yang disertai oleh orang-orang kurang upaya seperti *ASEAN Para Games* yang diadakan di Amerika Syarikat dan juga Singapura menunjukkan prestasi yang baik dan tahniah kepada peserta yang mengharumkan negara. Apa yang kaola perhatikan ialah, kita kurang memberikan imbuhan insentif

kepada pelatih-pelatih terutama sekali dari segi kewangan.

Pelatih-pelatih yang mengikuti latihan adalah secara sukarela. Pelatih-pelatih ini mengeluarkan belanja sendiri ketika menjalani latihan seperti perbelanjaan kenderaan, pakaian dan perkakas permainan dan juga makan minum mereka.

Setelah 32 tahun merdeka, kita sudah sekurang-kurangnya dapat melahirkan atlet-atlet yang berkaliber. Kaola sukacita mencadangkan kepada pihak kementerian, perkara-perkara yang berikut:-

- i. Mengadakan satu peruntukan khas bagi pembangunan sukan. Atlet yang berpotensi dipilih untuk menjalani latihan sepenuh masa dalam bidang-bidang sukan yang dipilih dan dibayar elaun secara tetap; dan
- ii. Seperti yang kita maklum, peruntukan tahunan yang diperuntukkan untuk membangun pembangunan sukan tidaklah banyak. Jumlah tersebut kecil dan amat mustahil bagi kita dapat melahirkan atlet yang baik.

Dalam hal ini, kaola cadangkan supaya dana sukan diwujudkan bagi menampung kekurangan ini. Dana sukan ini di bawah kawalan satu jawatankuasa tadbir ditubuhkan untuk

mentadbir dana ini. Selain itu, dana ini hendaklah diaudit oleh juruaudit profesional.

Aktiviti-aktiviti yang boleh menjana tabung ini ialah melalui penajaan dalam sukarela dan lain aktiviti lain yang difikirkan bersesuaian. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan 2016/2017 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat sampaikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kaola akan menimbulkan 3 perkara dalam Tajuk Kementerian Belia dan Sukan di Dewan yang mulia ini.

1. Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kaola menimbulkan 2 perkara:-

- i. Sukacita untuk kaola dapat bertanya mengenai perkembangan baharu Program

Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Batu Apoi di Daerah Temburong pada masa ini? Bilakah kemasukan pelatih-pelatih PKBN di pusat ini dan bilakah latihannya akan bermula di Daerah Temburong?; dan

- ii. Dicadangkan di Dewan yang mulia ini dalam jangka waktu terdekat atau panjang KKBS melalui jabatan berkenaan dapat menubuhkan Pusat Pembangunan Belia di Daerah Temburong bagi belia di daerah ini yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan belia yang menganggur dalam mengikuti kursus pembangunan belia negara untuk mempelajari dan diberikan kemahiran latihan jati diri dan penempatan kerja yang sesuai sebelum masuk ke alam pekerjaan yang sebenarnya.

2. Dalam Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Bagi kemudahan orang ramai untuk bersukan, masyarakat dan penduduk di Daerah Temburong amat mengharapkan agar KKBS melalui Jabatan berkenaan mempertimbangkan supaya dewan serbaguna yang lebih lengkap dapat dibina di Daerah Temburong. Dengan adanya tempat bersukan yang lengkap akan melahirkan lagi atlet sukan yang berkaliber di daerah ini.

3. Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kaola akan menimbulkan 2 perkara:-

- i. Pusat Bahagia di Daerah Temburong yang terletak berhadapan dengan Terminal Perahu Pekan Bangar Temburong dipinjamkan oleh Jabatan Daerah Temburong. Kaola difahami Pusat ini telah ditubuhkan pada tahun 1989 dengan keramaian murid pada masa itu seramai 7 orang. Pada masa ini, pelatih-pelatih sudah meningkat seramai 31 orang termasuklah yang pemulihan dalam komuniti PDK yang kebanyakannya mempunyai masalah *Mentally Retarded*.

Pada pandangan kaola, Pusat Bahagia Temburong harus ada bangunannya sendiri di tapak yang lebih sesuai, ada ruang yang lebih besar, selesa, persekitaran yang nyaman, bersih dan keadaan tempat yang mesra alam khusus pelatih-pelatih mengikut kesesuaian dan tahap ketidakupayaan mereka di pusat ini.

Di Pusat ini, apa yang kaola lihat ruang yang tidak mencukupi bagi pelatih-pelatih yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Iaitu Bahagian Kelas Bimbingan Orang Berkeupayaan Khas dan Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat, Bahagina Pelatih Pusat Latihan Pekerjaan Orang-Orang Cacat dan Bahagian Pelatih Latihan Industri (*PLI*).

Kaola ingin bertanya apakah sudah ada dalam perancangan dan rancangan jangka panjang KKBS melalui jabatan yang berkenaan bagi penaiktarafan Pusat Bahagia Daerah Temburong ke arah ini?

- ii. Dicadangkan sebuah kenderaan bagi keperluan pihak JAPEM Temburong yang belum ada disediakan atau dibekalkan selama ini dalam menghadapi jika berlakunya bencana alam ataupun semasa aman (tiada bencana berlaku) untuk penambahbaikan lagi semua tugas berkaitan bagi menangani bencana alam di daerah ini seperti berlakunya banjir kilat, kebakaran, tanah susur dan lain-lain.

Apa yang kaola lihat bila kejadian ini berlaku untuk menghantar keperluan-keperluan seperti makanan, catuan dan lain-lain kepada mangsa terutama semasa bencana berlaku, ke rumah-rumah atau ke pusat penempatan sementara kenderaan yang digunakan oleh para pegawai kebanyakannya menggunakan kenderaan sendiri. Adakalanya kenderaan mereka tidak dapat memasuki ke tempat mangsa yang memerlukan bantuan disebabkan keadaan jalan raya ditenggelami air apabila berlakunya banjir kilat.

Kenderaan semasa aman (tiada bencana berlaku) untuk melaksanakan tugas seharian seperti membuat lawatan ke rumah-rumah pemohon bantuan,

lawatan kes-kes keluarga dan juga ke rumah warga emas (program pemedulian warga emas) amatlah diperlukan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Waalaikumsalam. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mahu menjawab soalan-soalan itu sekarang?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan cuba jua namun yang demikian sekiranya jawapan-jawapan itu kurang tepat nanti akan kaola susuli jua. Kaola mengucapkan terima kasih atas beberapa soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pemerhatian dan juga soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkaitan dengan isu pengangguran yang melibatkan juga kemiskinan.

Soalan Yang Berhormat ialah mengenai punca kemiskinan di Negara Brunei Darussalam dan hasil penilaian yang dibuat mengenai isu kemiskinan ini. Jawatankuasa berkenaan telah berjaya dan kenapa ia dilibatkan kepada KKBS.

Memang kemiskinan ini seperti dalam mukadimah kaola terbahagi kepada 12 isu yang ditangani oleh Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan juga ditangani oleh sekurang-kurangnya 6 jawatankuasa khas iaitu jawatankuasa isu kemiskinan.

Kaola tidak dapat menjelaskan dahulu apa dapatan daripada penilaian yang telah dibuat itu. Namun demikian isu kemiskinan akan menjadi keutamaan juga untuk dibanteras. Makanya kaola tadi dalam mukadimah itu menyatakan mendapatkan 100 orang sebagai kumpulan sasaran yang dikenal pasti dan akan mengeluarkan mereka ini dalam keadaan yang terarah, terurus dalam sedikit masa yang bersesuaian untuk dikeluarkan daripada kumpulan sasaran ataupun dalam kepompong kemiskinan.

Kaola akan melengkapkan lagi jawapan ini nanti kalau kaola mendapatkan laporan yang lengkapnya. Mengenai soalan Yang Berhormat yang seterusnya iaitu mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka. Dengan cabaran yang dihadapinya di samping memertabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara dengan impak-impak daripada penggunaan bahasa-bahasa ringkas atau ejaan-ejaan ringkas dan penggunaan bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Melayu yang dicampuradukkan. Memang satu pemerhatian yang sangat sensitif juga dan sentiasa juga dipedulikan oleh kementerian dan juga khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka.

Inilah realiti yang dihadapi oleh kita dan juga generasi muda. Namun demikian usaha mempartabatkannya jabatan ini terus mengusahakan dengan beberapa projek antara lain yang kaola nyatakan dalam mukadimah awal tadi dengan Pesta Buku dan sebagainya dan penglibatan dengan pertubuhan-pertubuhan serantau untuk mempartabatkan Bahasa Melayu ini.

Namun demikian, usaha untuk membendung 100 peratus itu mungkin juga susah kerana dalam usaha pencemaran bahasa ini tujuannya untuk cepat dan *connectivity*. Kaola akan meneliti juga bagaimana secara strategiknya atau secara sistematiknya Dewan Bahasa dan Pustaka menangani isu-isu yang sedemikian.

Beredar pula kepada soalan berikut daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid iaitu mengenai *early literacy* ini ataupun Program Awal Literasi yang telah dilancarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka juga. Program Awal Literasi adalah program yang berbentuk intelektual yang menjurus kepada memperkasa budaya membaca seawal kanak-kanak damit.

Kaedahnya ialah dengan menyediakan pek yang diisi buku-buku awal literasi yang diberikan percuma kepada anak damit yang baharu lahir di Negara Brunei Darussalam dengan harapan ibu bapa anak-anak damit akan menanamkan minat membaca dengan cara membacakan buku tersebut selagi awal. Setakat ini *recipient* berjumlah

357 keluarga, dan pemantauan perkembangan anak damit yang menerima pek ini telah dilakukan di perpustakaan dan borang kaji selidik secara temu bual juga telah dijalankan.

Hasil daripada kaji selidik tersebut, didapati respons awal daripada ibu bapa terhadap Program Awal Literasi adalah positif dan menggalakkan. Ibu bapa yang terlibat dengan program ini berpuas hati dengan tindak balas dan perkembangan anak damit mereka. Keberkesanan penuh Program Awal Literasi ini hanya dapat dilihat pada usia 5 tahun pertama anak damit tersebut. Kerjasama yang padu daripada ibu bapa dalam membantu merealisasikan kejayaan program ini amat diperlukan. Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus membuat pemantauan perkembangan program peserta dari semasa ke semasa.

Program Awal Literasi sememangnya dihasratkan untuk semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam. Dewan Bahasa dan Pustaka telah memulakannya dengan memilih anak damit yang lahir pada Februari 2014 sahaja, supaya pemantauan bagi melihat keberhasilannya lebih mudah dan dapat dicapai. Insya-Allah projek ini akan diteruskan dan dapat disertai oleh semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang.

Dapatan dari program yang sama yang dilaksanakan oleh negara-negara lain untuk dikongsikan di sini ialah seperti negara Jepun, Korea, Switzerland dan

sebagainya menunjukkan kanak-kanak yang mengikuti Program Awal Literasi lebih cepat pembangunan awal kanak-kanaknya yang memberi kesan kepada pembangunan keseluruhan mereka seterusnya, dari aspek emosi, sosial dan fizikal. Itulah jawapan kaola bagi Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Soalan-soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar bersekitar jua mengenai sukan dan ada hubung kaitnya dengan mukadimah kaola yang awal dan penjelasan kaola kepada jawapan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Namun demikian saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan mengenai Pembangunan Belia khususnya mengenai pentingnya belia kita dalam berpersatuan.

Alhamdulillah, sebagai maklumat, mengemaskinikan jua sebanyak 95 buah badan yang masih sah berdaftar dengan *Register of Society* di Jabatan Polis Di-Raja Brunei dan juga di Jabatan Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat belia mampu memegang tampuk persatuan belia dan peranan persatuan belia sebagai *platform* yang mendidik pemimpin muda, memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara. Ke arah ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meningkatkan usaha bagi mengupayakan dan memperkasa persatuan belia supaya dapat menarik

minat golongan belia untuk menyokong dan menyertai aktiviti belia.

Menyediakan lebih kemudahan serta aktiviti gaya hidup aktif dan sehat dalam kalangan generasi muda, membantu, memantau persatuan belia serta mengaktifkan persatuan yang lemah. Dalam mukadimah kaola tadi, kaola menerangkan belia yang berpersatuan lebih mudah dibentuk atau diperkasa daripada mereka yang bergerak secara bersendirian.

Antara program dan tindakan yang telah diungkayahkan melalui pusat-pusat belia dan cawangan-cawangan belia Jabatan Belia dan Sukan di keempat-empat daerah bagi menarik minat para belia bagi berkecimpung dalam persatuan adalah seperti berikut:-

1. Memberikan bantuan seperti penggunaan fasiliti dan kemudahan yang di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan kepada persatuan-persatuan belia dan kumpulan belia yang ingin menganjurkan aktiviti kebeliaan; dan
2. Mengadakan beberapa bengkel, kursus dan seminar dalam dan luar negeri termasuk Program Pertukaran Belia Antarabangsa seperti *ASEAN-Summit*, *CHOGM*, *Singapore Brunei Young Leaders Programme* bagi memberikan pendedahan kepada pemimpin-pemimpin belia sebagai langkah dan persiapan belia sebagai pemimpin persatuan belia. Tambahan itu, untuk menggalakkan pemimpin-pemimpin belia.

Kementerian juga telah mengadakan kursus-kursus atau program-program kepimpinan yang bersesuaian seperti Program *Outward Bound Brunei*, Kursus Asas Kepimpinan, *Out-Reach Program* dan tidak kurang pentingnya Program Khidmat Bakti Negara, Program Cabaran Belia dan sebagainya.

Selain itu, pihak kementerian juga telah mengenal pasti 9 kluster kerja-kerja kesukarelawanan yang boleh dilaksanakan oleh persatuan-persatuan belia dengan kerjasama agensi-agensi dan badan-badan lain iaitu kemanusiaan dan kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebelaian, kesukanan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan.

Selain itu, pihak kementerian juga telah membuat projek penjenamaan ataupun *rebranding* Pusat Belia bagi para belia berkumpul secara individu mahupun berpersatuan dan mengadakan aktiviti ataupun program yang berfaedah. Melalui usaha penjenamaan semula Pusat Belia ini, ia dihasratkan akan dapat mempertingkatkan lagi pembangunan belia di negara ini, bukan hanya semata-mata bagi melaksanakan program untuk mengisi masa lapang dan menyediakan aktiviti yang menyeronokkan, tetapi lebih utama lagi untuk menjadikan Pusat Belia sebagai tempat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pentas kepada penghasilan inovasi-inovasi baharu melalui cetusan dan gabungan kreativiti belia selaras dengan kehendak para belia itu sendiri.

Sebagai pengiktirafan pencapaian persatuan belia, satu kategori Anugerah Belia telah diperkenalkan iaitu Anugerah Persatuan Belia yang diadakan setiap tahun sempena Hari Belia Kebangsaan. Ia menilai keberkesanan sesebuah persatuan belia dalam aspek-aspek pengurusan dan pentadbiran mahupun pelaksanaan aktiviti serta projek persatuan dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, agama, riadah dan didukung oleh pengurusan yang baik dan kepimpinan yang mantap.

Adalah diharapkan bahawa dengan anugerah ini akan menjadi dorongan kepada persatuan-persatuan belia untuk melipatgandakan lagi usaha dan mempertingkatkan tahap dan prestasi persatuan masing-masing. Dengan adanya kategori anugerah ini akan mendorong persatuan-persatuan belia untuk bergiat aktif dan lebih berkesan dan mengikut dasar yang digarispendukan dalam perlembagaan persatuan masing-masing.

Di samping itu juga, ia akan dapat menggalakkan persatuan belia dalam menggerakkan belia. Penglibatan mereka dalam pembangunan belia dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada kerja-kerja yang disumbangkan. Alhamdulillah kebanyakan belia masa kini telah bergiat aktif dan berani melibatkan diri dalam program-program beberapa persatuan belia seperti Persatuan *Scout* dan tidak dinafikan pemikiran belia pada masa ini berbeza daripada pemikiran dahulu. Ini memang hakikatnya juga, kalau zaman dahulu kita selalu memikirkan generasi 'siapa

yang awal makan garam' tetapi generasi sekarang ini ialah generasi yang awal menggunakan *internet*. Tambahan pula belia-belia sekarang lebih berani berbanding pada masa dahulu dan merupakan *value added* kepada kementerian.

Untuk pada masa akan datang, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan selalu berhubung dan bekerjasama dengan belia dan persatuan-persatuan belia. Tambahan pula antara mereka ini telah diiktiraf di luar negara dengan menerima penghargaan atas usaha dan aktiviti yang mereka berikan.

Yang Berhormat juga ada menyuarakan mengenai penjana tabung atau mengeluarkan tabung untuk meningkatkan lagi prestasi sukan dan atlet di negara ini. Kaola akan cuba menjawabnya, terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkembangan atlet dan juga perkembangan sukan khususnya mengenai imbuhan atau insentif kepada pelatih-pelatih terutama sekali dari segi kewangan.

Sistem sukan berprestasi tinggi melibatkan semua pihak yang berkepentingan termasuklah atlet itu sendiri sebagai fokus utama. Jurulatih dan penggunaan kaedah perubatan sains sukan secara maksimum kerana kaedah-kaedah sains sukan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi atlet ke tahap yang lebih tinggi.

Negara kita memang mampu bersaing dan akan mendapat banyak kejayaan jika betul-betul fokus dan selektif kepada beberapa sukan yang berpotensi untuk meraih pingat dan kejayaan di kejohanan-kejohanan serantau ataupun antarabangsa. Dengan peruntukan yang sedia ada, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai beberapa strategi ke arah mencapai kecemerlangan sukan di sukan serantau dan antarabangsa seperti berikut:-

1. Fokus kepada sukan-sukan yang boleh menghasilkan keputusan-keputusan, berpotensi dan memerlukan dukungan ke arah menghasilkan atlet cemerlang;
2. Mempunyai program pembangunan dan pengenalan bakat *Talent Identification (TID)* yang kaola jelaskan awal tadi;
3. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan;
4. Seterusnya meningkatkan jumlah dan kualiti orang bersukan dan beriadah dengan mengadakan sukan-sukan di peringkat kebangsaan;
5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGOs* dan agensi kerajaan dan swasta; dan
6. Membudayakan sukan meningkatkan sumber tenaga manusia iaitu pakar

sains sukan dan jurulatih dan prasarana.

Dengan itu, kementerian telah merancang dengan sebaik-baiknya dengan menggunakan peruntukan yang ada dengan memfokus kepada perkara-perkara yang lebih diutamakan seperti memfokus kepada *core sport* yang boleh meraih pingat di sukan-sukan serantau dan antarabangsa.

Jenis-jenis bantuan bagi sukan *core sport* termasuklah bagi penyediaan tempat latihan, jurulatih profesional, menjalani latihan luar negara yang dijadikan *warm-up* kepada *games* yang disertai, penyertaan ke kejohanan di luar negara, khidmat nasihat pakar sains sukan, kelonggaran waktu bekerja secara berterusan, makan minum atlet, kelengkapan dan pakaian sukan, *supplement*, insurans, bayar balik gaji yang tidak dibayar oleh majikan swasta dan elaun latihan bagi atlet yang terpilih.

Memelihara kebajikan atlet dalam memberikan elaun bantuan yang terpilih adalah penting ke arah menghasilkan atlet cemerlang. Di samping itu, beberapa insentif lain juga perlu diambil kira termasuklah memberikan Insentif Skim Ganjaran Kemenangan, Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) apabila atlet berjaya meraih pingat di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) ini adalah

di antara rancangan tindakan strategik dalam Dasar Sukan Negara untuk memberi kemudahan insentif dan ganjaran yang lebih menarik dalam memberikan penggalakan kepada atlet-atlet ke arah perkembangan sukan di negara ini. Sejak skim ini diluluskan pada tahun 1991 banyak perkembangan dalam bidang sukan khususnya dari segi penyertaan negara ke kejohanan serantau dan antarabangsa. Kecemerlangan para atlet, jurulatih, pengurus, pemimpin persatuan sukan kebangsaan dan individu yang menyumbang ke arah pembangunan sukan serta mengharumkan nama negara adalah antara insentif yang diseliakan sebagai asas ke arah meningkatkan lagi pembangunan sukan ke arah kecemerlangan sukan negara ini.

Dengan peruntukan yang ada, pihak kementerian telah banyak menggunakan SPKS melalui skim ganjaran kemenangan bagi membantu hal-ehwal kebajikan atlet yang difahami penyertaan mereka merupakan kerja secara sukarela dan bukanlah berbentuk profesional. Dengan menyumbang dan mengorbankan masa, tenaga dan mengeluarkan perbelanjaan sendiri ketika menjalani latihan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menghargai pengorbanan mereka ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah ganjaran kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan bagi tahun 2014 adalah sebanyak \$118,150.00 yang telah diberikan atau diagihkan kepada

atlet, jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan bagi kejayaan mereka meraih pingat di sukan serantau dan antarabangsa seperti sukan wusyu, kuntau, sepak takraw dan atlet Orang Berkeperluan Khas. Manakala bagi tahun 2015, sebanyak \$70,170.00 telah diberikan kepada sukan-sukan seperti pencak silat, bowling padang, wushu, lawan pedang dan olahraga.

Alhamdulillah, pada masa ini pihak kementerian telah memberikan elaun latihan atlet yang akan mewakili negara ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa bagi tempoh 3 bulan sebelum kejohanan bermula dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi iaitu bagi menubuhkan Tabung Sukan. Kaola mengucapkan ribuan terima kasih mengenai cadangan Yang Berhormat dan perkara ini setentunya memerlukan penelitian yang lebih rapi mengenainya.

Berikutnya Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad telah pun mengutarakan jua banyak soalan berhubung kait apa yang ada di Daerah Temburong. Soalan Yang Berhormat yang pertama ialah mengenai masa depan PKBN atau pusat PKBN yang sudah dibina di Temburong dan bilakah latihan akan dimulakan di sana? Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, projek pembinaan Bangunan PKBN baharu di Batu Apoi, Temburong dibahagikan kepada beberapa fasa.

Fasa Pertama, mengandungi lima blok utama iaitu blok pentadbiran, blok tempat tinggal pelatih perempuan, blok tempat tinggal jurulatih perempuan, blok dewan makan, surau dan bilik darjah dan dewan serbaguna dan blok tempat tinggal jurulatih lelaki dan pelatih lelaki. Di samping itu juga ia dilengkapi dengan klinik dan juga bilik gerakan.

Manakala bagi Fasa Kedua, padang kawat dan fasiliti latihan, *multi-training structure*. Bagi Fasa Pertama, bangunan tempat tinggal, kemudahan dan pembelajaran bagi pelatih mula dilaksanakan pada 21 Jun 2014 dan alhamdulillah siap pada 20 Jun 2015 mengikut sasaran penyediaan. Fasa Kedua, ia sepatutnya bermula pada tahun 2015 yang lalu. Walau bagaimanapun, projek ini terpaksa dikaji semula dengan mengambil kira keupayaan sumber, kesesuaian dan keutamaan fasiliti yang akan dibina.

Insya-Allah, langkah ke hadapan, tawaran bagi Projek Fasa Kedua akan dibukakan pada bulan April mendatang ini dan dijangka siap pembinaannya pada bulan November 2016. Insya-Allah jika tidak ada sesuatu yang menunda lagi, semua kemudahan ini seperti padang kawad dan *multi-training structure* siap dibina nanti, PKBN atau Program Khidmat Bakti Negara bagi pengambilan ke-6 akan memulakan latihannya di sana pada hujung tahun 2016 ini nanti.

Yang Berhormat juga ada bertanyakan dalam jangka waktu panjang Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan melalui jabatan berkenaan untuk menubuhkan Pusat Pembangunan Belia di Daerah Temburong. Kepada belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan belia pelajar dalam mengikuti kursus pembangunan belia negara dalam mempelajari dan memberikan kemahiran latihan, jati diri dan penempatan kerja yang sesuai sebelum masuk ke alam pekerjaan yang sebenar.

Pusat Pembangunan Belia. Sebagai jawapannya ia adalah sebuah pusat latihan untuk para belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan belia yang ingin mendapatkan kemahiran secara *hands-on* menawarkan kursus-kursus kemahiran yang menepati keperluan pasaran. Pada masa ini, PPB menawarkan program di luar lokasi iaitu di Pusat PPB di Kampung Tanah Jambu dan juga di cawangannya di Daerah Belait, di bangunan Rumah Persinggahan Kerajaan Jalan Maulana. PPB mempunyai bangunan kekal di Jalan Utama Tanah Jambu dan mempunyai asrama yang boleh menampung lebih kurang 200 orang pelatih.

Dalam rancangan masa panjang, memang terdapat perancangan bagi PPB untuk dibuka pusat latihannya di setiap daerah tetapi ini tertakluk kepada beberapa faktor seperti *demand* atau keperluan belia dan juga keperluan pasaran industri. Pada masa ini, jika dilihat dari jumlah pemohon, permohonan yang diterima dari pemohon-pemohon Daerah Temburong, keperluan untuk merubah pusat

demikian belumlah begitu mendesak atau kritikal dan untuk makluman bersama pada tahun 2015 yang lalu, PPB hanya menerima 18 permohonan dari belia Daerah Temburong untuk mengikuti Program PPB.

Manakala pada tahun ini hanya 16 permohonan. Mungkin kaedah lain yang boleh diterokai adalah seperti mengadakan kursus-kursus pendek kemahiran yang menepati keperluan pasaran di Daerah Temburong dan insya-Allah perkara ini akan diteliti lagi secara terperinci ataupun secara rapi.

Bagi soalan berikut Yang Berhormat ada menyatakan ialah bagi kemudahan orang ramai bersukan di Daerah Temburong agar mengharap jika Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan mempertimbangkan supaya dewan serbaguna yang lebih lengkap dapat dibina di Daerah Temburong.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, pada masa ini KKBS menyediakan beberapa kemudahan sukan yang berpusat di Kompleks Sukan Batu Apoi yang termasuk padang bola sepak, trek, gelanggang luar dan kompleks kolam renang. Memang diakui di antara kemudahan yang ada di sini ada yang sudah usang, memerlukan pensejahteraan segera yang mengizinkan.

Dalam hubungan yang sama untuk makluman Yang Berhormat, hasil inventori yang dilaksanakan oleh kementerian ini pada tahun 2014

tentang tempat-tempat bersukan dan riadah di seluruh negara seperti yang kaola jelaskan dalam soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad awal tadi, ia melibatkan bukan sahaja di bawah kawalan kementerian ini bahkan termasuk *stakeholders* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan pihak swasta.

Daerah Temburong didapati mempunyai 16 buah padang bola sepak, 23 gelanggang luar, 6 tempat berjoging, sebuah kolam renang dan beberapa dewan yang menyediakan 16 gelanggang sukan di dalam dewan. Maka dengan adanya inventori tersebut cadangan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad untuk membina sebuah dewan serbaguna yang lengkap hendaklah mengambil kira inventori yang sedia ada.

Dalam hubungan yang sama melalui kemudahan-kemudahan yang sedia ada, Jabatan Belia dan Sukan telah pun menjalankan beberapa skim latihan remaja bagi sukan pencak silat, karate-do dan ragbi di bawah jurulatih tempatan. Perancangan untuk menambahnya bagi mengenal pasti bakat di Daerah Temburong jua dilaksanakan dan setakat ini 2 orang atlet karate-do dari daerah Temburong telah pun terpilih ke akademi sukan bagi diberikan latihan yang lebih intensif dan bersistem. Walau bagaimanapun, dengan kemudahan yang ada saya yakin kita masih mampu menghasilkan

atlet yang berkaliber atau dapat diketengahkan dari Daerah Temburong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari senarai atlet negara terdapat juga beberapa orang atlet muda dari Daerah Temburong yang berpontensi dari sukan karate-do dan telah menyertai Akademi Sukan Negara Brunei Darussalam sejak Mei 2015 tahun lepas dan telah mewakili negara ke Sukan Malaysia (*SUKMA*) 2014 di Perlis, Malaysia dan meraih 1 pingat perak bagi sukan karate-do di kejohanan Sukan Borneo 2013 Labuan, Malaysia. Jadinya, adalah pencapaian sukan jua oleh atlet-atlet dari Daerah Temburong ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga mengutarakan soalan, apakah sudah ada dalam cadangan rancangan Jabatan Belia dan Sukan untuk menaik taraf Pusat Bahagia Daerah Temburong ke arah ini.

Bagi menjawabnya, JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat) pernah memohon untuk melaksanakan pengubahsuaian terhadap Pusat Bahagia Daerah Temburong dalam Tahun Kewangan 2013/2014 melalui peruntukan Perbelanjaan Khas berjumlah \$56,000.00. Pengubahsuaian yang dirancangan ialah untuk menambah ruang serbaguna, untuk menempatkan bilik aktiviti, galeri pameran dan bilik mini mesyuarat, bilik stor dan membaik pulih pagar serta tandas.

Walau bagaimanapun, memandangkan bangunan Pusat Bahagia berkenaan adalah bangunan warisan bagi Daerah Temburong dan sebarang sebarang penambahan bangunan dikhuatiri menjejaskan reka bentuk asal, maka perkara tersebut tidak dapat diteruskan. Oleh yang demikian, pengubahsuaian hanya tertumpu kepada pembaikan pagar sekeliling dan bilik air sahaja yang diserahkan pada Tahun Kewangan 2014/2015.

Sungguhpun demikian, Kementerian ini menyedari akan kepentingan untuk menyediakan prasarana yang lebih kondusif bagi pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan keperluan ini pernah diterokai dengan agensi-agensi yang berkenaan. Insya-Allah, perkara ini akan terus ditunduki ataupun *di revise* semula dengan mengambil kira keperluan lokasi yang lebih mudah dikunjungi oleh pelatih-pelatih dan juga keluarga mereka.

Akhirnya, Yang Berhormat juga menyuarakan soalan mengenai persediaan atau keperluan bagi pihak JAPEM Daerah Temburong untuk dilengkapi kenderaan jika terjadi satu bencana atau musibah.

Untuk jawapan, cawangan JAPEM Daerah Temburong sebenarnya mempunyai sebuah van pada masa ini bagi keperluan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan menjalankan tugas mereka termasuklah untuk membuat siasatan ke rumah-rumah, menghantar catuan makanan khususnya semasa berlakunya musibah atau bencana alam

dan juga menghantar dan mengambil murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Temburong.

Kementerian ini mengambil maklum kenderaan ini tidak mencukupi untuk menampung perkhidmatan harian dan berkala yang dijalankan oleh JAPEM Temburong. Oleh yang demikian, JAPEM mendapat kerjasama dari Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Belia dan Sukan, Pusat Pengurusan Bencana Daerah Temburong dan juga dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan dukungan terutama sekali apabila berlakunya musibah ataupun bencana alam.

Walau bagaimanapun, insya-Allah, Kementerian ini menyambut baik akan saranan ataupun keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad bagi penambahan kenderaan untuk cawangan JAPEM Temburong ini dan perkara ini akan diteliti dengan lebih terperinci lagi termasuk dengan mengambil kira keutamaan peruntukan atau sumber yang ada ataupun yang akan diluluskan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Itulah antara lain yang dapat kaola jawab pada soalan-soalan yang telah pun diutarakan oleh 4 orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dengan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, maka saya ingin mencadangkan supaya

Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini ditangguhkan dahulu dan kita balik untuk bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin menangguhkan mesyuarat ini selama 20 minit dan kita akan menyambung semula sesudah itu.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan sebagaimana yang diketahui kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Jadual Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan kita secara teliti, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan untuk berehat tadi, kita telah mendengar seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan soalan-soalan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah memberikan huraian jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Sebelum kita memulakan perbincangan seterusnya, saya ingin meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kalau sekiranya mengurangkan mukadimah masing-masing dan teruslah menyoal ataupun mengeluarkan soalan-soalan yang dikemukakan itu dan saya minta sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan kalau sekiranya jawapannya itu tepat kepada soalan-soalan yang dikemukakan, saya bercadang sekiranya tidak ada apa-apa, insya-Allah pada petang ini kita akan menyelesaikan Tajuk Jadual Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, insya-Allah.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Datin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:

Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin mengemukakan beberapa soalan:-

1. Peruntukan Kewangan 2016/2017 dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu bantuan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berjumlah kira-kira \$200 ribu sahaja, berkurangan daripada jumlah peruntukan tahun sebelumnya iaitu sebanyak \$300 ribu.

Soalan saya:-

- i. Dengan jumlah peruntukan yang berkurangan sebanyak \$100 ribu, bagaimanakah pembahagian dan pengagihan peruntukan ini kepada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berkenaan?;
- ii. Adakah peruntukan ini juga diberikan kepada Persatuan-Persatuan Orang-Orang Yang Berkeperluan Khas dan Kurang Upaya yang bertambah bilangan dan program-program yang mereka rancang dan laksanakan?; dan

- iii. Adakah terdapat garis panduan atau syarat-syarat tertentu dalam membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan tersebut supaya pembahagiannya dapat dihulurkan dengan lebih efisien dan berkesan.

2. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapan mukadimah pada sebelah pagi tadi yang menggariskan usaha-usaha kementerian dalam memperkasa para belia dengan pelbagai program dan juga telah menampakkan hasil dan impak positif kepada para belia.

Soalan saya bagaimana pula pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan kerjasama, sokongan dan bantuan kepada pihak-pihak atau agensi-agensi yang berperanan lainnya dalam menangani para belia kita yang kurang bernasib baik yang tercicir pencapaian sekolahnya, yang terlibat gejala penyalahgunaan dadah, terlibat gejala-gejala penyakit masyarakat yang lain seperti mencuri dan sebagainya.

Jumlah ini tidaklah seramai para belia yang terlibat dalam program-program kementerian yang disebutkan dan yang saya maksudkan ialah belia yang berada di luar daripada kawalan dan pengawasan pihak kementerian

iaitu melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat yang mungkin berada di kampung-kampung yang selalunya kita terlepas pandang;

3. Sebenarnya soalan ini sudah dijawab secara tidak langsung oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada soalan rakan kaola iaitu mengenai usaha untuk membendung masalah sosial supaya ia tidak terus berlaku dengan merancang program-program kesedaran iaitu melibatkan isu-isu anak yang tidak berdosa ataupun anak-anak yang tidak sah taraf. Sebagaimana pada pagi tadi kita mendengar bahawa statistik seramai 4,044 orang anak yatim telah didaftarkan pada tahun 2015 berbanding dengan 1,756 orang pada tahun 2014 yang berdaftar dengan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah.

Dalam hal ini, kita tidaklah beranggapan bahawa jumlah yang meningkat drastik itu disebabkan kebanyakannya oleh anak-anak yang tidak berdosa ini. Walau bagaimanapun, kita juga berhak menyuarakan kebimbangan kita akan pertambahan ini melibatkan jua ramainya jua anak-anak yang tidak berdosa yang ikut didaftarkan; dan

4. Saya cuma hanya ingin menambah kepada respons Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pihak kementerian telah merancang program-program kesedaran dan

saya cuma hanya ingin menambah supaya program-program yang dirancang tersebut oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan melibatkan secara bersepadu dan bersungguh-sungguh dengan agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu melalui Jabatan Pusat Da'wah Islamiah dan jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berkenaan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sepanjang apa yang kaola dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang kebanyakannya hal belia. Di sini, kaola akan memfokuskan hal beliau-beliau.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai pemimpin masyarakat akar umbi dan lidah penyampai antara rakyat dengan kerajaan, maka koala suarakan lagi dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan Elaun Pencen Tua yang

diilhamkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 1 Januari 1955 sebanyak \$20.00 sebulan hingga 31 Ogos 1971, dan diteruskan hingga sekarang atas kepimpinan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana kenaikan kali yang ke-8 pada 1 Oktober 2006 sebanyak \$50.00 sehingga sekarang berjumlah \$250.00 sebulan.

Perkara ini pernah kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan begitu juga pada Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh dan ini adalah kali ke-3.

Mengapa Elaun Pecen Tua ini kaola timbulkan. Ini adalah disebabkan:-

1. Ramai warga menerima pecen tua ini, menyuarakan akan dapat diketengahkan lagi;
2. Mereka yang tidak menerima pecen bulanan hanya berharap \$250.00 ini sahaja tanpa mendapat pendapatan dari sumber-sumber yang lain;
3. Kenaikan perbelanjaan keperluan sara hidup sejak akhir-akhir ini meningkat harganya daripada biasa; dan
4. Tidaklah dinafikan bahawa ada antara mereka ini setahun sekali memakan daging. Itupun daging korban.

Yang Berhormat Pengerusi. Apa jua kiranya dapat difikirkan supaya ada kenaikannya kali yang kesembilan ini. Justeru itu, apa pun jawapan balas daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, namun demikian bahawa pada Musim Permesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas ini sekali lagi kaola sarankan, ini mungkin kali terkahir kaola duduk di Dewan ini kerana masuk di penghujung penggal kedua saja sebagai wakil dari Daerah Tutong.

Mengimbas kembali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara pada 15 Safar 1427 bersamaan 15 Mac 2006, Baginda bertitah "Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis Mesyuarat yang lain. Ia berperanan sebagai penasihat kepada beta dalam perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara".

Justeru itu, kaola penuh berharap bahawa sesungguhnya akan dapat difikirkan lagi demi kepentingan rakyat yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang diberikan. Yang Berhormat Pengerusi, Perbelanjaan Khas untuk Program Budaya Membaca diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 berjumlah \$50,000.00 sahaja.

Pelbagai kempen membaca sedang dilaksanakan di negara ini, namun keberkesanan kempen masih tidak menyeluruh kerana tidak mendapat sambutan masyarakat. Oleh itu perlu adanya penggemblingan tenaga bersepadu bagi membentuk masyarakat yang gemar membaca agar menjadi masyarakat yang berilmu.

Oleh itu masyarakat hari ini memerlukan anjakan paradigma agar menyuburkan benih membaca dalam sanubari mereka, umpamanya melalui ibu bapa dan pihak media massa dan elektronik. Berdasarkan pengurangan peruntukan dari Anggaran Perbelanjaan 2015/2016 iaitu \$100,000.00, adakah boleh dilaksanakan berdasarkan soalan dan cadangan kaola berikut ini:-

1. Adakah cadangan untuk memberi taklimat kesedaran membaca

ke mukim-mukim dengan sasaran utama kepada ibu bapa agar bekerjasama untuk memainkan peranan penting supaya mewujudkan suasana membaca di rumah kepada anak-anak mereka?;

2. Adakah perancangan mengadakan kerjasama dengan pihak media massa dan elektronik yang berperanan sebagai penyebarkan maklumat untuk menjayakan Kempen Galakkan Membaca, kerana masyarakat sekarang menggunakan bahan-bahan elektronik sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan menumpukan perhatian kepada berita hangat dan cerita sensasi. Oleh itu, pihak media massa dan elektronik menyeru dan menggesa masyarakat supaya membaca dan menyatakan kebaikan-kebaikan membaca.;
3. Adakah perancangan mengadakan Pertandingan Mari Membaca Buku di peringkat kanak-kanak yang berupaya memancing minat terhadap buku?;
4. Dicapangkan pula, jika ada syarikat-syarikat swasta mempunyai inisiatif untuk menaja surat khabar dan buku-buku untuk bacaan pelajar atau kedai-kedai buku menjual harga rendah kepada pelajar?; dan
5. Adakah program penggerak bacaan ini sampai dilaksanakan di kawasan pedalaman Daerah Tutong misalnya Rumah Panjang Kebubuk, Mukim Rambai?.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 adalah \$2,120,471,000.00, Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi pembangunan atlet-atlet berpotensi. Sukan bola sepak dan futsal di negara ini, sebagai salah satu daripada sukan yang sangat diminati oleh semua peringkat masyarakat.

Program Ikan Pusu, merupakan sebuah Program Pembangunan Sukan Bola Sepak. Penubuhan Sekolah Sukan pula bertujuan melahirkan atlet-atlet berpotensi dan mengembangkan kemahiran mereka dengan kemudahan asas seperti asrama, padang, gelanggang sukan dan jurulatih yang bertauliah.

Soalan kaola:-

1. Apakah kerjasama atau peranan Jabatan Belia dan Sukan dalam membantu perkembangan bola sepak, Pogram Ikan Pusu dan perkembangan Sekolah Sukan?; dan
2. Adakah cadangan membaik pulih gelanggang-gelanggang sukan yang rosak? Kalau ada kaola memohon gelanggang sukan sepak takraw dan bola tampar Kampung Danau dibaik pulih kerana terdapat kerosakan tapak konkritnya pecah dan berlubang-lubang yang boleh mendatangkan bahaya. Walau bagaimanapun, terpaksa digunakan juga setiap petang oleh belia di kampung tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Jabatan Pembangunan Masyarakat, kaola akan menyentuh mengenai perkhidmatan bantuan am dan bantuan bencana alam dan perumahan, yang masing-masing mempunyai Peruntukan Perbelanjaan Yang Berulang-Ulang. Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 iaitu \$1,393,887,000.00 bagi Kebajikan Am dan \$62,222,000.00 bagi Bencana Alam dan Perumahan.

Di Daerah Tutong, untuk mencari rumah sewa bagi membantu orang yang sangat memerlukan adalah sangat sukar. Seperti ibu tunggal yang sakit, tidak bekerja dan menanggung anak yang kurang upaya, keluarga yang dihalau keluar oleh tuan rumah kerana tertunggak sewa rumah dan tidak ada saudara mara untuk menumpang.

Sehubungan itu, cadangan kaola supaya jabatan ini bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang maksudnya sangat mendalam iaitu satu kiasan, "umpama sebuah perahu, supaya semua orang yang di dalamnya berkayuh bersama-sama".

Ini bermakna supaya kita mengamalkan sikap bantu membantu secara bersepadu. Harapan kaola, supaya setiap kementerian atau jabatan yang mempunyai rumah, berek atau flat yang

kosong di Daerah Tutong untuk membenarkan diguna sama sebagai penempatan bagi orang-orang yang dimaksudkan tadi iaitu yang dalam kecemasan dan keperluan serta-merta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 dalam Muzium-Muzium untuk Program Kesedaran Awam dan Pameran Bergerak berjumlah \$65,806,000.00 dan untuk Memasyarakatkan dan Membudayakan Muzium di dalam dan di luar negara, berjumlah \$124,151,000.00.

Soalan kaola:-

1. Adakah cadangan untuk mengadakan Pameran Bergerak ini ke daerah-daerah agar individu-individu yang mempunyai barangan antik, manuskrip atau artikel-artikel lama, artifak bernilai sejarah, dapat bersama-sama untuk dipamerkan;
2. Adakah cadangan untukewartakan terminal feri 40-an dan sebuah bangunan guru 50-an, Kampung Danau, agar ia dapat dibaik pulih dan dipelihara; dan
3. Apakah kedudukan membudayakan barang antik, artifak, manuskrip dan artikal bernilai sejarah dibawa masuk dari luar negara ke negara ini?.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan kali ke-9, Tahun 2014.

Baginda ada menyentuh "usaha untuk merealisasikan perpaduan dan persefahaman dalam berpasukan". Titah itu dikurniakan selepas 2 tahun Pasukan Tebuan Muda Brunei Darussalam, buat pertama kalinya melakar sejarah menjuarai Piala Hassanal Bolkiah 2012, yang terdiri daripada pemain-pemain bola sepak tempatan melalui acuan dan aduan bijak jati diri ilmu pengadilan berpasukan. Kejayaan ini turut dihargai oleh pihak luar negara khususnya *ASEAN Football Confederation (AFC)* dan *ASEAN Football Federation (AFF)* yang mengiktiraf Piala Hassanal Bolkiah sebagai satu kejohanan bola sepak belia yang terunggul di rantau ini.

Justeru itu, pasukan ini seharusnya dijadikan *role model* untuk belia muda, kalau tidak pencapaiannya yang terbukti kuat pasukan Brunei setelah 10 tahun berjuang akhirnya impian itu menjadi realiti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyedari semangat berpasukan oleh kita dalam merangkul kejayaan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menyarankan dalam titah baginda sempena Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan sebagai menghargai kejayaan pihak pengurusan dan pemain-pemain bola sepak Negara Brunei Darussalam memenangi Piala Hassanal Bolkiah pada 5 April 2012.

Kaola membacakan titah iaitu "Piala Hassanal Bolkiah dijadikan sebagai satu *platform* dalam memajukan kecemerlangan bola sepak di rantau Asia Tenggara. Ke mana hilangnya semangat berpasukan itu dan mana dia pengurusan pasukan yang telah diamanahkan meneruskan perjuangan ini."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia tahun 2014 menyentuh tentang kepentingan memiliki ilmu cara mengendalikan diri dalam apa-apa bentuk keadaan. Pasukan bola sepak Tebuan Muda dalam diam-diam melalui dalam bimbingan mereka yang cukup

sederhana telah mampu membuktikan prestasi mereka pada tahap cemerlang. Tetapi di mana letaknya kecemerlangan pada tahun 2016 ini. Jika ada mekanisme yang sepatutnya lebih mampu dan lebih memiliki kesedaran tentang makna kaedah urusan yang komprehensif dan efektif untuk mencapai kejayaan seterusnya.

Apakah usaha kita sendiri menjadikan bola sepak ini sebagai bahan *ceremony* semata-mata? Apakah usaha yang dijalankan untuk menghidupkan semula semangat juang untuk mencapai kejayaan dalam Piala Hassanal Bolkiah? Apakah mereka yang diamanahkan itu menerajui pasukan Brunei pada masa ini sudah pun bersedia sepenuhnya? Apakah persediaan rapi yang dirancang untuk membolehkan pasukan kebangsaan belia kita mengembalikan imej negara dan seterusnya meraih kejayaan buat kali yang kedua.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola:-

1. Apakah persediaan sudah mantap sebelum berlangsungnya pertandingan yang akan dijangka berlaku pada tahun 2017?;
2. Apakah persediaan yang sudah, sedang dan akan diusahakan oleh pihak Kebudayaan, Belia dan Sukan?

Mereka yang terlibat secara langsung sudahkah bersedia untuk berkongsi ilmu, mereka faham, memerhati, mempraktikkan dan

membuktikan kejayaan? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan satu perkara sahaja iaitu di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Seawal tahun 1955 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bermurah hati telah mengurniakan pemberian Pencen Umur Tua kepada Rakyat dan Penduduk Tetap di negara ini yang mencapai umur 60 tahun sehingga selagi hayat dikandung badan.

Adalah difahami bahawa jumlah penerima-penerima Pencen Umur Tua seperti mana ditaklimatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada awal perbincangan kementerian yang berkenaan pagi tadi mempunyai jumlah penerimanya melebihi ke angka 71,000 orang dari sebulan, setahun ke setahun semakin meningkat. Dengan jumlah pembayaran sebanyak \$250.00 seorang setiap bulan jika dibandingkan dengan jumlah seawal mulanya sebanyak \$20 seorang sebulan jumlah kewangan yang menjangkau seratus ke \$200 ribu, yang akan diuruskan oleh pelaksana

pembayarannya maka kaola mencadangkan supaya Akta Pencen Umur Tua itu dapat dikaji disesuaikan atau diselaraskan dengan keadaan semasa masa kini atas tujuan:-

1. Untuk meringankan beban mempercepatkan pelaksanaan pembayarannya dan untuk membolehkan Pencen Umur Tua tersebut dibayar melalui bank bagi penerima-penerima yang berkeinginan;
2. Sebagai langkah berjaga-jaga demi keselamatan kewangan yang berjumlah banyak seperti tersebut di atas; dan
3. Bagi memastikan penerima-penerimanya tetap tinggal di negara ini dan tidak bermastautin di luar negara yang hanya bertujuan untuk mengambil kesempatan terhadapnya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah
Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina

Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah panjang lebar, membentangkan Peruntukan Kewangan 2016/2017 bagi kementeriannya. Dalam perancangan yang lalu mengenai Anugerah Sastera, adakah sudah dirancang, dilaksanakan atau belum? Kalau belum, bila melaksanakannya? Begitu juga cadangan, rancangan tahun lepas iaitu menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipanggil Lembaga Pengarah supaya pengarah di sesebuah jabatan itu sebagai menyokong kepada pengarahnya sendiri. Kaola ringkas sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Mengangkat bahasa Melayu kita sokong semuanya, tidak ada yang tidak menyokong. Kelihatan papan-papan tanda yang kabur, tunjung dan mungkin tumbang. Perhatikanlah semula keadaannya untuk diperbaiki dan diperelokkan supaya tidak diperolokkan oleh orang lain.

Mengangkat bahasa itu lagi. Ertinya kalau kita mengangkat bahasa ini di mana ada hal-hal bahasa seperti **peraduan**, persembahan sokonglah beramai-ramai datang ke sana. Belia tidak ada yang datang, orang tua pun tidak datang akhirnya pesta-pesta itu kosong sedangkan itu pesta bahasa yang akan kita angkat.

Kaola mendengar saranan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu akademik seni. Ini satu perancangan bahan yang

baik dan dinanti-nantikan oleh para belia yang berkecimpung dalam bahasa sastera dan budaya. Cadangan macam ini bukanlah ditinggalkan atau diampai sahaja terus diangkat untuk dimajukan oleh belia dan bangsa sendiri.

Oleh sebab ramai belia dalam persatuan bahasa, penulis bahasa dan sastera makanya untuk memajukan bahasa dan sastera kaola mencadangkan supaya mereka itu diampiti sedikit pingat-pingat kebesaran negara supaya bersemangat lagi untuk menulis dan beraksi dalam persatuan bahasa dan sastera.

Saya tadi mendengar mengenai dengan perbincangan menyebut anak luar nikah. Saya sebenarnya tidak bersetuju kalau disebut berulang kali rawan rasanya hati. Kalau boleh ditukar panggilannya seperti Orang Kurang Upaya (OKU) bisai bunyinya orang mendengar.

Di samping itu kaola mendengar perkataan-perkataan yang tidak dapat difahami katanya, bahasa ringkas dalam *sms* dan lain-lain. Sebenarnya kalau mengikut perkembangan bahasa meringkaskan bahasa ini tidak boleh ia mesti dilengkapkan kalau perkataan 'yang' jangan dipendekkan apa lagi atas nama misalnya Pengiran janganlah ditulis "Pg" (Pengiran) kerana meringkaskan bahasa seperti itu tidak sesuai dilihat dari segi penggunaan, dipendekkan jadi "Ak" (Awangku) pun tidak sedap bunyinya bahasa, mana ada bunyi "Pg" apa salahnya ditulis dengan lengkap. Jadi maksud saya supaya mengelakkan terjadinya kekeliruan

tentang perkataan-perkataan tersebut. Kalau orang Brunei sememangnya tahu dengan sebutan tersebut tetapi kalau orang luar mungkin tidak akan faham.

Yang terakhir kaola mendengar kita memanggil pakar-pakar pelatih dari luar itu adalah baik untuk mengaktifkan lagi sukan-sukan yang ada tetapi mereka itu janganlah dibiarkan begitu sahaja akan digandingi oleh orang-orang Brunei sendiri untuk melihat bagaimana caranya membuat latihan, bagaimana caranya mengatur dan lain-lain.

Mereka ini bukannya dilamakan paling pendek 3 tahun atau barangkali 5 tahun. Lepas itu ia akan balik jangan ditahan-tahan itu merugikan sahaja tempatnya itu nanti diganti dengan orang Brunei. Begitulah serba sedikit dan secara ringkas-ringkas kaola sebutkan mudah-mudahan pihak berkenaan akan memahami maksud kaola itu dan akan dapat dilaksanakan dan diwujudkan demi kebaikan bersama-sama.

Demikian Yang Berhormat Pengerusi.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Yang Berhormat Pengerusi:
Walaikumussalam Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan respons.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juga yang kaola sarankan awal tadi, kaola akan melengkapkan jawapan yang mungkin belum lengkap daripada soalan yang awal sebelum Soalan No. 6 Yang Berhormat kalau diizinkan menjawab soalan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu soalan mengenai hasil usaha dalam membasmi kemiskinan, hasil siasatan atau kaji selidik.

Sebagai jawapan tambahan kaola menerangkan mengenai Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan iaitu satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial. Beberapa punca kemiskinan telah dikenal pasti termasuk kelulusan rendah dalam kalangan sebahagian lepasan sekolah yang menyebabkan gaji yang diterima rendah dan jumlah tanggungan yang banyak yang menyebabkan gaji yang diterima tidak mencukupi.

Usaha untuk mengatasi isu ini adalah memang kompleks dan memerlukan strategi yang komprehensif dan meluas. Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan Jawatankuasa Isu Kemiskinan memahami akan keperluan untuk melaksanakan strategi yang meluas termasuk daripada aspek pendidikan, latihan, kesedaran dan sebagainya.

Satu Pelan Tindakan telah diluluskan yang menggariskan beberapa usaha yang perlu dilaksanakan iaitu pendidikan, kesihatan, pekerjaan, latihan, perumahan, keusahawanan, pengangkutan, infrastruktur, kewangan dan dasar-dasar perundangan. Sebagai misal satu langkah yang mustahak dilakukan dengan segera adalah meningkatkan kesedaran mengenai mustahaknya pendidikan dan mendapatkan kelulusan yang setinggi-tinggi dan juga kesedaran isu bijak berbelanja.

Antara perkembangan terkini yang dilaksanakan oleh jawatankuasa khas ini ialah selama mengadakan taklimat celik kewangan bagi penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang mesti dihadiri sebelum menerima bantuan JAPEM. Taklimat ini dilaksanakan dengan kerjasama *Authority Monetary Brunei Darussalam*, Tabung Amanah Pekerja, Agensi Pekerja Tempatan dan Tenaga Kerja (*PTTK*) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Perbankan Kewangan dan Pengurusan Islam.

Mereviu semula pelan tindakan membasmi kemiskinan dengan bekerjasama Unit Penggerak, Jabatan Perdana Menteri dengan penggunaan kaedah *deliverology*. Di samping itu berbagai pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi yang lain yang berkenaan juga giat melaksanakan program-program yang bertujuan mengatasi isu kemiskinan ini. Kejayaan program ini mencapai matlamat ke arah

membasmi kemiskinan akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang kaola berusaha untuk menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi yang didahului oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin iaitu mengenai dengan jumlah sumber kewangan, adakah diberikan kepada Persatuan Orang Kurang Upaya dan garis panduan untuk mendapat bantuan tersebut untuk lebih efisien dan berkesan.

Bagi menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi. Peruntukan Bantuan Kewangan untuk Badan-Badan Bukan Kerajaan yang diperuntukkan melalui Peruntukan Perbelanjaan Khas ini diagih-agihkan kepada persatuan-persatuan dalam bidang kebajikan dan kemasyarakatan termasuk Persatuan-Persatuan Wanita, Persatuan-Persatuan Orang Kurang Upaya dan Persatuan Warga Emas.

Peruntukan ini diagihkan bagi menampung perbelanjaan operasi tahunan persatuan-persatuan berkenaan khususnya bagi membiayai program-program pembangunan dan peningkatan kapasiti mereka bagi ahli-ahli mereka termasuk untuk pembayaran tenaga pekerja pakar yang membantu menjalankan program-program berkenaan menganjurkan **ataupun** menghadiri persidangan seminar ataupun bengkel yang

berkaitan dengan isu-isu yang mereka tangani.

Bantuan kewangan yang diluluskan adalah berbentuk Yuran Tahunan. Sebelum bantuan kewangan akan dapat dipertimbangkan setiap persatuan dikehendaki untuk menghadapkan perancangan tahunan masing-masing dalam menyatakan anggaran perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Permohonan akan dipertimbangkan berasaskan *value for money* dan impak aktiviti-aktiviti berkenaan kepada perkembangan golongan yang diperlukan oleh persatuan berkenaan.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ialah bagaimana pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan kerjasama sokongan dan bantuan pada pihak-pihak dan agensi-agensis dalam menangani isu-isu kanak-kanak yang tercicir dari sekolah terlibat dengan gejala tidak sihat seperti dadah dan sebagainya.

Jawapan abis kaola Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Sekolah-Sekolah mempunyai satu platform untuk membincangkan pelajar-pelajar yang mempunyai kehadiran yang kurang daripada 85 peratus. Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berperanan untuk menjalankan pendekatan sosial terhadap pelajar-pelajar tersebut dan juga keluarganya. Melalui pendekatan ini isu-isu sosial lain akan dapat dikenal pasti jikalau ada dan tindakan

selanjutnya boleh dilakukan. Dengan adanya Mahkamah Juvana, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Akta *Probation* dan Khidmat Masyarakat ini telah membolehkan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk memberikan pemulihan kepada belia-belia yang di bawah umur 18 tahun sama ada dalam masyarakat ataupun di Kompleks Rumah Kebajikan.

Orang ramai boleh membuat aduan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) melalui *hotline* Kebajikan 141, *Facebook* dan datang sendiri ke pejabat apabila mendapat tahu belia-belia terlibat dengan dadah, curi dan sebagainya. Jikalau isu yang dialami adalah di luar bidang Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan merujuk kepada agensi-agensis lain yang bersesuaian.

Yang ketiga adalah sebagai saranan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, jawapannya insya-Allah sama-samalah kita akan mencuba mengurangkan status anak-anak yang tidak sah taraf ini supaya tidak akan menjadi masalah yang besar dan belarutan di Negara Brunei Darussalam.

Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf iaitu mengenai Elaun Pencen Tua ini dengan latar belakang dan juga keadaan masa kini dan apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat

Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan soalan itu ada hubungan kait dengan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dari Daerah Belait. Mengenai Elaun Pencen Tua ini memang satu kurnia yang sangat dijunjung dan disyukuri oleh semua warga yang layak iaitu berusia 60 tahun.

Namun demikian sebagai mengambil maklum, perkara ini sudah pun berulang kali disuarakan di Dewan yang mulia ini dan beberapa penjelasan telah pun dibuat oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Pada masa ini belum ada perancangan untuk mereviu jumlah pencen tua. Walau bagaimanapun, difahami bahawa terdapat warga emas yang mungkin tergantung sepenuhnya pada pencen ini yang mungkin tidak mencukupi. Jika hal ini terjadi, terdapat pertimbangan khas yang diberikan sebagai tambahan pencen umur tua kepada golongan-golongan daif.

Pertimbangan khas yang diberikan sebanyak \$100.00 sebagai tambahan kepada Pencen Umur Tua iaitu pada golongan yang daif iaitu melalui pertolongan kebajikan bulanan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dalam Mukadimah kaola menyatakan bilangan ini bertambah dan walaupun peruntukan asalnya \$38 juta sekarang telah meningkat hampir kepada 3 kali ganda. Namun demikian semua ini atas

keprihatinan kerajaan telah pun dipenuhi dan mudah-mudahan akan dapat meringankannya.

Mengenai isu berkaitan dengan gaji tua dan jumlah yang banyak yang dipegang ataupun diagihkan oleh seorang Penghulu Mukim ataupun Ketua Kampung yang memikirkan keselamatan mereka, perkara ini seringkali juga disuarakan, maka tidaklah kaola jawab satu persatu cukuplah memadai bahawa institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu adalah mata dan lidah masyarakat yang perlu bukan saja menyampaikan, mengagihkannya adalah untuk melihat persekitaran di mana mereka yang menerima bantuan ini dengan keadaan mereka. Keselamatan mereka yang membawa ataupun mengagihkan sudah pun dibuat kaedah-kaedah untuk mereka mendapatkan takaful perlindungan dan sebagainya.

Mengenai beberapa soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Mengenai program memperkasa budaya membaca, sebenarnya dari segi jawapan Program Memperkasa Budaya Membaca ada banyak iaitu Projek Memperkasa Budaya Membaca, Program Awal Interaksi, Program Membaca Bersama di Rumah Sakit. Seminar Memperkasa Budaya Membaca, Persidangan Kebangsaan Memperkasa, Budaya Membaca, Bimbingan Motivasi Kecemerlangan Diri, Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan, Bengkel Fonetik, menyediakan khutbah Jumaat,

Pengurusan Perpustakaan Yang Cemerlang, Forum Memperkasa Budaya Membaca Belia, Menambang Syair dan Mendeklemasikan Sajak, Peraduan Bercerita Berkumpulan, Hari Buku Sedunia, Pertandingan Pentadbiran Dan Pengurusan Perpustakaan, Peraduan Mari Bercerita Gerakan Budaya kerjasama daripada rakan-rakan strategiknya.

Dengan senarai sedemikian memang penanaman ataupun pendekatan pada membaca ini memang diberikan perhatian yang khusus dan dapat dilaratkan kepada beberapa pihak ataupun golongan di kesemua peringkat. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa memantau dan menilai kegiatan dan program kebanyakan ini seperti pandangan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit awal tadi.

Mengenai soalan Yang Berhormat berikutnya, iaitu Pameran Bergerak ke daerah-daerah iaitu khususnya Muzium Brunei, Jabatan Muzium memang merancang mengadakan Pameran Bergerak di daerah-daerah. Pusat Sejarah juga akan mengadakan pameran dalam acara Karnival Sejarah dan seumpamanya dengan manuskrip lama dipamerkan kepada orang awam. Maklumat tambahan tahun ini akan diadakan di Daerah Temburong dan akan diadakan di daerah-daerah lain.

Mengenai soalan masa pengiktirafan kepada tapak-tapak lama seperti Feri

Danau untuk dipelihara, Jabatan Muzium-Muzium dalam usaha untukewartakan Feri memang ada usaha untukewartakan Feri Danau dalam Akta Barang-Barang Purba Kala dan Akta Terpendam 1996/1997.

Seterusnya pada menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai isu penempatan sementara di Daerah Tutong apabila terjadi sesuatu perkara dan sebagainya, penempatan tempat tinggal sementara bagi golongan yang memerlukan khususnya mangsa-mangsa bencana alam amat diambil berat oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sudah pun dikenal pasti berapa unit penempatan sementara. Kalau di Daerah Brunei Muara 60 unit flat penempatan sementara itu di Kampung Belimbing, Jalan Subok, 45 telah didiami dan 15 masih kosong dan 43 di Flat Sentosa, 41 telah didiami dan 2 masih kosong. Manakala di Daerah Belait 103 unit, 76 telah didiami dan 27 masih kosong.

Dalam memberikan penempatan sementara bagi mangsa-mangsa bencana sama ada melalui penyediaan perumahan ataupun pembayaran sewa rumah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mendapat kerjasama daripada jabatan-jabatan daerah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga agensi-agensi kerajaan yang mempunyai perumahan. Terdapat juga individu persendirian yang menyumbangkan bantuan yang berkaitan. Setakat ini Jabatan

Pembangunan Masyarakat (JAPEM) tidak mempunyai penempatan sementara di Daerah Tutong ini memang diakui dan mangsa-mangsa bencana ataupun golongan susah di Daerah Tutong yang memerlukan tempat tinggal akan ditawarkan penempatan sementara di Daerah Brunei Muara. Jika bersesuaian akan diserahkan kepada Jabatan Daerah Tutong ataupun agensi kerajaan berkenaan untuk menyediakan tempat tinggal. Oleh yang demikian Insya-Allah kementerian ini menyambut baik saranan Yang Berhormat ke arah kerjasama pelbagai agensi yang berkepentingan dalam hal seperti ini.

Tadi juga Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengutarakan soalan mengenai Projek Bola Sepak Ikan Pusu. Projek Bola Sepak Ikan Pusu merupakan satu projek pembangunan sukan bola sepak yang diungkayahkan dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Kementerian Pendidikan dan pihak swasta yang tertentu. Projek ini dijalankan setiap hari Jumaat dan Ahad di padang Sekolah Menengah SMJA dan bagi pemain yang berumur di bawah 12, 14 dan 16 tahun.

Hasil daripada projek ini beberapa orang pemain telah diambil bermain di kelab-kelab tempatan untuk mengikuti kejohanan Liga bola sepak tempatan, kejohanan peringkat umur dan juga diserapkan kepada pasukan kebangsaan seperti Piala Hassanal Bolkiah.

Pada masa ini projek berkenaan adalah diungkayahkan secara persendirian

tanpa bantuan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat selain Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan, pembangunan sukan termasuk sukan bola sepak adalah juga diserahkan kepada persatuan kebangsaan masing-masing.

Bagi sukan bola sepak ia adalah di bawah bidang kuasa persatuan bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dan pada masa ini pihak berkenaan juga ada menjalankan *Junior Development Programme* bagi kanak-kanak berumur di bawah 21 tahun. Kementerian ini memberikan kerjasama kepada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dari segi bantuan kemudahan dan juga jurulatih. Ini sama juga persatuan-persatuan kebangsaan bagi sukan-sukan yang lain.

Sehubungan dengan itu saya mengesyorkan bagi mana-mana persatuan atau kelab persendirian bola sepak yang memerlukan bantuan supaya akan dapat merujuk dan berunding lebih dahulu dengan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pihak Persatuan Bola Sepak Kebangsaan nanti akan menghadapkan kepada Jabatan Belia dan Sukan jika bersesuaian.

Alhamdulillah, mengenai kerjasama dengan pihak Sekolah Sukan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama dan mendukung program-program kesukanan yang diadakan oleh pihak Sekolah Sukan.

Antara kerjasama yang diberikan ialah bantuan khidmat jurulatih-jurulatih sukan, sains sukan di pusat perubatan dan penyelidikan sukan di Jabatan Belia dan Sukan untuk melatih dan membimbing atlet-atlet Sekolah Sukan.

Menempatkan atlet-atlet Sekolah Sukan berlatih bersama-sama atlet-atlet skim latihan Jabatan Belia dan Sukan di tempat-tempat latihan Jabatan Belia dan Sukan akan bersama-sama membuat penilaian dan pemilihan atlet Sekolah Sukan bagi kejohanan peringkat umur dan *ASEAN School game*. Dan menerima lawatan sambil belajar pegawai-pegawai, pengajar dan jurulatih Sekolah Sukan ke Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan Jabatan Belia dan Sukan.

Seterusnya bertukar-tukar pandangan mengenai sistem dan struktur hal ehwal jurulatih-jurulatih sukan di Jabatan Belia dan Sukan yang diaplikasi di Sekolah Sukan. Sebahagian atlet di Sekolah Sukan juga dipilih untuk mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa berdasarkan pencapaian.

Mengenai gelanggang luar sepak takraw di Danau, pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat untuk dibaiki. Perkara ini akan dirundingkan bersama dengan pihak-pihak berkenaan. Perkara ini pun mengikut musim. Kalau musim sepak takraw gelanggang yang sudah dibuat digunakan tetapi apabila musim *futsal* gelanggang takraw akan digunakan sehingga ada binatang-binatang peliharaan pun turut tidur di tempat

tersebut. Inilah hakikatnya juga yang terjadi.

Ada beberapa soalan berikutnya yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih juga atas soalan mengenai perancangan bagi persediaan Piala Hassanal Bolkiah atau *Hassanal Bolkiah Trophy*.

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menyedari bahawa pencapaian negara tidak konsisten termasuk Pasukan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah antara faktor penyebab perkara ini antaranya atlet tidak dapat memenuhi waktu latihan yang telah ditetapkan kerana tiada kelonggaran waktu bekerja atau sekolah. Keutamaan atlet yang masih belajar, menuntut dan bekerja walaupun atlet kita ada menunjukkan peningkatan namun negara-negara lain jauh lebih maju dalam program latihan atlet masing-masing.

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi sukan negara kerjasama padu daripada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sangat penting termasuklah sokongan dan dukungan daripada ibu bapa atlet dalam memastikan latihan dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Antara perancangan dan usaha yang diutamakan adalah latihan intensif yang sistematik menyertai kejohanan luar

negeri, pemedulian dan pemantauan kebajikan hal ehwal atlet kelonggaran latihan sepenuh masa, cuti tanpa catat diberikan oleh majikan tanpa menjejaskan gaji atau prestasi kerja atau persekolahan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kejohanan Piala Hassanal Bolkiah telah ditangguhkan ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian dan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mengambil kesempatan ini untuk membuat persiapan yang rapi demi pencapaian yang lebih mantap.

Mengenai ganjaran kaola difahamkan juga apabila negara menjuarai Piala Hassanal Bolkiah yang lain beberapa ganjaran telah mereka terima termasuklah menerima penghargaan bintang ataupun pingat kebangsaan negara.

Akhirnya kaola merujuk dan berterima kasih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, yang soalnya yang ialah pertama banyak juga saranan daripada soalan tapi soalan yang dapat dirakamkan ialah bagaimana memberigakan acara mengangkat bahasa Melayu.

Sebagai jawapan cadangan bagi memperhebat lagi penggunaan Bahasa Melayu, Bulan Bahasa merupakan satu usaha yang baik dan relevan dalam projektiif pelaksanaan bahasa Melayu. Dewan Pustaka Bahasa bukan sahaja menekankan menggunakan bahasa Melayu secara meluas semasa Bulan

Bahasa malah menggunakan bahasa Melayu sepanjang masa.

Dalam hal ini peranan menyemarak dan menggemakan bahasa Melayu bukanlah terletak ke atas pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Bahasa bahkan harus ditanai oleh semua kementerian dan semua jabatan yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam titah baginda itu.

Akhbar Pelita Brunei misalnya merupakan satunya akhbar kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan. Jabatan berkenaan bertanggungjawab ke atas bahan-bahan iklan tersebut sepenuhnya. Dari sinilah peluang bagi memperkasa penggunaan bahasa melayu melalui penyiaran iklan-iklan tersebut dimanfaatkan oleh jabatan tersebut sebagai satu langkah proaktif jabatan berkenaan bagi sama-sama mendukung semangat Bulan Bahasa.

Bulan Bahasa juga digemakan ke seluruh negara setiap tahun melalui aktiviti Dewan Pustaka dan Bahasa yang diadakan sepanjang tahun termasuk di kesemua cawangan-cawangannya di keempat-empat daerah. Aktiviti bersempena Bulan Bahasa bukan sahaja terhad kepada majlis perasmian untuk pelancaran sahaja tapi lebih menyeluruh dan melibatkan apa jua kegiatan sepanjang tahun yang menjurus kepada

pemeriksaan dalam penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan Kerajaan, pihak swasta, *NGO's* dan orang awam dan penuntut sekolah.

Peraduan Mari Bercerita di setiap daerah adalah salah satu usaha bagi memperkayakan kanak-kanak dari peringkat awal lagi tentang penggunaan bahasa Melayu baku waktu bercerita. Aktiviti-aktiviti percutian sekolah juga di Perpustakaan cawangan diisi dengan berbagai-bagai program seperti Menambang Syair, Deklemasi Sajak, Teater dan lain-lainnya. Semuanya menanamkan semangat cinta kepada bahasa ibunda atau bahasa Melayu itu sendiri.

Ada juga Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengutarakan cadangan bagi penubuhan Lembaga Pengarah bagi bahasa. Ini ssoalan pada tahun 2015. Penubuhan Lembaga Pengarah Bahasa juga perlu memiliki dasar yang kuat atau *lingual understanding* dengan adanya *lingual understanding*, Lembaga Bahasa boleh melantik ahli dalam kalangan penjawat awam, peningkat tinggi. Komposisi ahli lembaga boleh terdiri daripada pakar-pakar bahasa dari jabatan kerajaan dan kalangan pelajar akademik universiti.

Pada prinsipnya Lembaga Bahasa bukanlah sebuah jawatankuasa yang biasa tapi ia perlu memiliki pengaruh dan *political well* dalam gerakan bagi **memperkasa** bahasa Melayu dan penggunaan tulisan Jawi di negara ini. Dalam hal ini mungkin hal-ehwal

kebahasaan ataupun tulisan Jawi di negara ini boleh dimasukkan dalam Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja dan jadikannya sebagai salah satu agenda utama dalam komitmennya sebelum Lembaga Pengarah bagi bahasa benar-benar diwujudkan.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain iaitu anugerah pengiktirafan dalam membantu mencapai matlamat dasar dan kebudayaan negara. Sebagai jawapannya sebagai bentuk penghargaan kepada penggiat aktif dalam bidang kebudayaan dan sastera Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan beberapa anugerah melalui Projek Anugerah Sastera Penulis Tanah Air umpamanya Anugerah Kesusasteraan Islam (AKI), Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Anugerah Sastera Mastera, Anugerah Bahasawan, Anugerah Sasterawan, Anugerah Penulisan Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Penghargaan Penulis Muda Mastera dan Hadiah Mastera.

Ramai juga penulis kita yang diangkat penulisan dan produk penulisan mereka di peringkat serantau dan antarabangsa seperti memenangi *Anugerah SEA Write Awards*, *Sultan Awards* dan sebagainya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang berhasrat untuk mengadakan anugerah bagi budayawan negara ini. Anugerah ini bagi memberikan penghargaan kepada penggiat-penggiat seni yang telah menaikkan dan mengharumkan nama negara menerusi karya, bakat dan

pengurusan budaya yang telah disumbangkan kepada negara.

Mengenai perhatian dan juga soalan Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain mengenai isu papan tanda yang kabur, rosak dan tumbang. Bukanlah di bawah kawalan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia lebih sesuai ditujukan atau diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti Lembaga Bandaran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Jawatankuasa Keselamatan Lalu Lintas yang mempunyai kuasa dalam hal-hal papan-papan tanda ini.

Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain juga menyoalkan mengenai pembangunan jurulatih sukan tempatan. Terima kasih atas keprihatinan itu. Namun demikian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk mengimbangi persaingan atlet negara dengan negara-negara lain dan salah satu usaha ialah mendatangkan pakar-pakar jurulatih daripada luar negara bagi beberapa sukan tertentu. Pernah sudah kaola nyatakan di awal-awal jawapan-jawapan dan juga mukadimah tadi.

Ke arah mengimbangi jurulatih luar negeri dengan jurulatih tempatan pihak KKBS memang mempunyai *sources and planning*. Bagi jurulatih tempatan akan mengambil alih jawatan jurulatih kebangsaan pada waktu yang difikirkan sudah sesuai dan layak bagi mereka mengambil alih tugas jurulatih kebangsaan. Antara usaha yang

dilaksanakan ialah seperti memberikan kursus kejurulatihan kepada jurulatih-jurulatih tempatan dan memberikan peluang berganding bahu dalam membimbing pasukan kebangsaan.

Mudah-mudahan terjawab semua sekali soalan ini kerana memang banyak soalan Yang Berhormat itu yang berhubung kait dan ada juga terpaksa dicantumkan dan mungkin ada juga yang tidak sempat dicatat.

Namun demikian jika ada satu kesempatan kaola ingin juga Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan laluan kepada kaola mengemaskinikannya lagi untuk melengkapkan keterangan ataupun fakta-fakta yang kurang lengkap daripada jawapan yang dijadikan secara spontan dan juga daripada khidmat bantuan daripada kementerian ini.

Kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sama-sama membahaskan dan juga menyokong bagi cadangan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:
Alhamdulillah, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana memberikan jawapan-jawapan yang tepat dan terperinci terhadap

soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya Belanjanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini kita undi sama ada diluluskan atau sebaliknya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya belanjanan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Oleh sebab tidak ada yang menentang maka Belanjanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira sampai waktunya bagi kita untuk mengakhiri Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah

kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya tangguhkan dahulu Persidangan ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu pada hari Khamis, 8 Jamadilakhir 1437 bersamaan 17 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)